

68 | setempat

26-03-2018



>>ANGKASA kongsi untung 50:50 dengan SLT

RM150,000 sebulan

■ Projek ladang solar beri pulangan lumayan kepada ANGKASA

Meor Riduwan Meor Ahmad
mr riduwan@NSTP.COM.MY

Kuala Lumpur

Projek ladang solar hasil usaha sama antara MyAngkasa Services Sdn Bhd (MSSB) dan Smart SL Technology Sdn Bhd (SLT) di Titi Akar, Sungai Tiang, Pendang, Kedah, kini menjana pendapatan mencecah RM150,000 sebulan.

Setakat ini, projek yang beroperasi pada 1 Januari lalu memberi pulangan purata RM5,000 sehari hasil membekalkan tenaga kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi tempoh 21 tahun.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, projek bermodalkan RM10 juta itu sebahagian daripada lapan fokus perniagaannya di bawah kategori Inovasi, Telekomunikasi dan Tenaga Diperbaharui.

"Saya dimaklumkan setiap hari, purata tenaga solar dibekalkan kepada TNB adalah 4.9 kilowatt (kW) dengan pendapatan RM5,000.

"Kita berusaha mengembangkan perniagaan bekalan tenaga solar, tetapi masalahnya kita masih belum dapat kuota untuk projek yang dirancang.

"Fokus kita di kawasan utara kerana penerimaan



MENTERI Kewangan II Datuk Seri Johari Abdul Ghani (tengah) bersama ahli ANGKASA pada majlis perasmian persidangan negeri Wilayah Persekutuan 2018, semalam.

cahaya matahari yang lebih berbanding kawasan di negeri lain," katanya selepas majlis perasmian Persidangan ANGKASA Kuala Lumpur 2018 di sini, semalam.

Abdul Fattah berkata, menerusi projek itu ANGKASA berkongsi keuntungan 50:50 dengan kontraktor SLT yang menjalankan projek itu.

"Dalam projek ini, ANGKASA membayar sepenuhnya sehingga tempoh ter-

tentu. Selepas dua tahun kita akan tawarkan kepada koperasi lain untuk beli saham sebanyak 50 peratus dalam syarikat.

"Ini strategi kita untuk membabitkan koperasi dalam setiap perniagaan yang kita terokai. Cumanya kita sedang kenal pasti tanah untuk diteroka bagi perluaskan projek bekalan tenaga solar ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya bercadang membekalkan

tenaga solar menerusi koperasi sekolah menengah dan koperasi kariah masjid di utara tanah air.

Katanya, kira-kira 50 koperasi masjid dan 100 koperasi sekolah bakal terbabit dalam projek itu manakala pihaknya berbincang dengan pihak berkaitan termasuk Majlis Agama Islam negeri dan Kementerian Pendidikan.

"Kita meneliti masjid dan sekolah yang bersesuaian untuk projek ini. Secara amnya, kementerian pendidikan tiada halangan untuk projek ini dilaksanakan di sekolah," katanya.

FAKTA
Projek ladang solar di Titi Akar, Pendang, Kedah menelan modal RM10 juta

Perpustakaan Koperasi Malaysia